

TOUR DE ILMU (TDI) BIRO BIMBINGAN DAN ROHANI



Tour de ilmu (TDI) merupakan sebuah program ilmiah berbentuk diskusi atau perbincangan yang memerlukan interaksi dua hala. Program ini bertujuan mewujudkan aktiviti pelajar sama ada akademik, motivasi, kerohanian, sukan mahupun kebajikan secara teratur dan berkumpulan. TDI adalah program di bawah kelolaan Biro Bimbingan dan Rohani, Persatuan Mahasiswa Mutah (PERMATA) .

Antara objektif TDI pada sesi ini ialah untuk melahirkan mahasiswa yang bersedia menjadi daie serta mahasiswa harapan apabila pulang ke Malaysia kelak dengan segala persiapan ilmu, mengukuhkan dan mewujudkan kesatuan ukhwah dan perpaduan mahasiswa melalui halaqah dan diskusi ilmiah, melahirkan mahasiswa yang bertaqwa, berakhlak serta mampu menterjemah islam dalam kehidupan, melahirkan mahasiswa yang berfikiran terbuka, peka dengan isu-isu semasa dan mampu mendepani sebarang situasi. Selain itu, melatih mahasiswa yang mampu untuk berkomunikasi dengan baik dan sama-sama berkongsi ilmu yang dimilikinya untuk disebarkan pada semua orang. Ini merupakan salah satu cara pembelajaran secara output yang diakui oleh pakar-pakar motivasi keberkesannya sekaligus mengelakkan mahasiswa kita daripada menjadi mahasiswa yang cenderung **menerima** pandangan dan ilmu sahaja berbanding **mengeluarkan** dan **mengutarakan** pandangan. Justeru itu, marilah sama-sama berganding bahu menyumbang fikrah dan ilmu untuk kebaikan bersama terutama dalam merealisasikan PERMATA matang 2010.

Tour de ilmu dinaungi oleh dewan nuqaba' dan dewan naqibat. Naqib dan naqibah ini juga dikenali sebagai 'tour guide'. Manakala ahli dibawah 'tour guide' dipanggil 'tour members'. Semua ahli permata diletakkan di bawah beberapa kumpulan dan akan dibimbing oleh 'tour guide' masing-masing. TDI adalah program rasmi BBR yang akan diteruskan pada setiap sesi.

Antara pengisian yang dijalankan dalam perbincangan ialah al-quran, hadis dan apa-apa sahaja pengisian yang difikirkan perlu dihasilkan dari perbincangan kumpulan masing-masing. Antara aktiviti yang dirancang akan dijalankan dibawah TDI selain diskusi ialah rehlah tarbawi, hari keluarga, tayangan ilmiah, qiamullail, program kebajikan dan lain-lain lagi aktiviti menarik dan berfaedah.

TDI merupakan salah satu platform terbaik bagi mahasiswa dan mahasiswi mu'tah untuk berdiskusi dan bertukar-tukar fikiran, membincangkan isu-isu semasa samada dalam ruang lingkup mahasiswa mu'tah, nasional mahupun masalah-masalah umat Islam sejagat. Selain itu, TDI juga merupakan medan untuk mahasiswa berkongsi ilmu yang dipelajari dan input-intput yang diperolehi di university untuk sama-sama mendapat istifadah semaksima mungkin selama keberadaan kita di bumi mutah ini.

Sesungguhnya TDI memerlukan kerjasama dan komitmen dari semua pihak untuk menjayakannya. Justeru, Biro Bimbingan Rohani menyeru agar semua mahasiswa dan mahasiswi dapat memberikan komitmen yang terbaik demi kelancaran dan kelangsungan program ini. Anda semua adalah teras kejayaan TDI. Semoga kita semua mendapat impak positif dan istifadah yang maksima apabila bersama menjayakannya.

“ TOGETHER WE ASPIRE TOGETHER WE ACHIEVE ”